



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### “MEMARTABAT WANITA, MEMPERKUKUH NEGARA” TEMA SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA 2026

**SARAWAK, 28 JANUARI** : Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg, hari ini hadir merasmikan dan melancarkan tema Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2026 peringkat Zon Borneo.

Bertemakan “Memartabat Wanita, Memperkukuh Negara”, sambutan kali ini membawa mesej bahawa kekuatan negara bermula daripada rakyat dan wanita yang merupakan teras kepada pengukuhan tersebut. Pemerkasaan wanita melalui ekonomi kreatif dan teknologi bukan sahaja membuka peluang ekonomi baharu, malah membina masyarakat yang lebih inovatif, inklusif dan berdaya saing.

Sambutan Hari Wanita bukan sekadar acara simbolik atau acara tahunan, tetapi merupakan satu wadah nasional yang mengiktiraf peranan kaum wanita sebagai tonggak kekuatan serta pemangkin pembangunan negara.

Berdasarkan Statistik Pemerkasaan Wanita terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Sarawak merekodkan skor sebanyak 0.695 untuk Indeks Jurang Gender Malaysia tahun 2024. Dalam konteks ekonomi, laporan statistik yang sama merekodkan penglibatan wanita dalam tenaga buruh di Sarawak meningkat daripada 52.4 peratus pada tahun 2023 kepada 52.7 peratus pada tahun 2024. Peningkatan ini mencerminkan kemajuan berterusan penglibatan wanita dalam sektor pekerjaan formal negara.

Dengan sokongan teknologi digital, platform e-dagang dan pemasaran dalam talian, produk dan perkhidmatan yang diusahakan oleh wanita kini berpeluang menembusi pasaran yang lebih luas, termasuk di peringkat nasional dan antarabangsa. Kajian oleh *Malaysian Institute of Economic Forecasting* (MIEF) menunjukkan bahawa pendigitalan perusahaan mikro dan ekonomi kreatif berpotensi meningkatkan pendapatan isi rumah luar bandar antara 20 hingga 30 peratus, sekali gus menyokong usaha merapatkan jurang ekonomi bandar dan luar bandar.

Di majlis sama turut diadakan Program Inspirasi Wanita: Potensi ke Legasi yang bertujuan untuk memperkasakan wanita sebagai pemangkin ekonomi digital dan ekonomi jingga, selain meraikan wanita yang memacu industri kreatif dan memperkayakan budaya melalui kandungan digital inklusif serta menonjolkan wanita sebagai pencetus perubahan ke arah

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK M)

Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8323 2037

[f kpwkm](#) [@kpwkm](#) [Xkpwkm](#) [v kpwkmtv](#) [d kpwkm](#)

masa depan digital, kreatif dan mampan. Program ini menyediakan platform bagi perkongsian pengalaman dan aspirasi daripada tokoh/panel yang bersesuaian bagi memberi pendedahan dan meningkatkan pengetahuan wanita dalam mendepani cabaran dan tugas sebagai seorang pemimpin selain membantu wanita meningkatkan potensi diri dalam aspek kepimpinan dan membentuk modal insan wanita yang lebih berketrampilan dan berkeyakinan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan agensi lain dibawahnya komited melaksana dan menyelaras pelbagai program pemerkasaan wanita di semua peringkat kumpulan sasar seluruh negara dalam usaha untuk membantu dan memastikan kebajikan wanita sentiasa terjamin.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PEMBANGUNAN WANITA (JPW)  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**